

## **PERCERAIAN DALAM BENTUK HANTARAN BERTULIS MELALUI MEDIA SOSIAL**



**ENAKMEN MUFTI DAN FATWA (KEDAH DARUL AMAN) 2008  
PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SEKSYEN 24**

### **PERCERAIAN DALAM BENTUK HANTARAN BERTULIS MELALUI MEDIA SOSIAL**

Menurut seksyen 21 Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 [*Enakmen No. 10 Tahun 2008*], Jawatankuasa Fatwa dan atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

#### **JADUAL**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang pada 4 April 2021, telah membincangkan perkara berkenaan dengan perceraian dalam bentuk hantaran bertulis melalui media sosial dan telah memutuskan fatwa untuk diguna pakai di Negeri Kedah adalah seperti yang berikut:

1. Talak dalam bentuk hantaran bertulis yang jelas daripada suami yang sihat pancaindera yang ditujukan kepada isterinya secara khusus melalui media sosial seperti aplikasi *whatsApp*, *Facebook*, *WeChat*, *faksimili*, khidmat pesanan ringkas, *e-mel* dan sebagainya adalah termasuk talak secara sindiran/kiasan (كناية) dan hukumnya adalah sah sekiranya disertai dengan niat oleh suami.
2. Bagi suami yang merupakan orang kurang upaya (OKU) iaitu bisu, maka talak dalam bentuk hantaran bertulis seperti di perenggan (1) adalah termasuk talak secara jelas (صريح).

3. Semua dakwaan perceraian itu hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah Syariah untuk pengesahan.

Perceraian dalam bentuk hantaran bertulis melalui media sosial adalah kaedah yang tidak menepati adab perceraian yang digariskan oleh Hukum Syarak.

*[(78 )dlm.JMNK(F)603 Jld. 2; PUN(KD) 600-1/5/3(5)]*

*Tarikh Warta : 20 Januari 2022*

*Tarikh Keputusan : 4 April 2021*